

5,000 jawatan kerajaan diisi tiga minggu pertama tahun ini

GEORGE TOWN - Kira-kira 5,000 jawatan dalam perkhidmatan awam telah diisi bagi tempoh tiga minggu pertama tahun ini meliputi pelbagai bidang dalam kerajaan.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam berkata, pihaknya menjangkakan jumlah individu yang diterima masuk dalam perkhidmatan awam akan meningkat dari semasa ke semasa sepanjang tahun ini berikutan kekosongan jawatan yang ada.

"Setakat ini, kira-kira 5,000 jawatan dalam perkhidmatan awam diisi dan ini menunjukkan petanda

baik bahawa semakin ramai individu berminat untuk berkhidmat dalam kerajaan.

"Kita masih belum mendapat jumlah tepat mengenai berapa kekosongan yang ada dalam perkhidmatan awam kerana kita masih menunggu senarai berkenaan daripada kementerian dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Saya dimaklumkan pada tahun ini terdapat kira-kira 20,000 penjawat awam akan menamatkan perkhidmatan mereka kerana sudah mencapai usia 60 tahun dan kemungkinan sebahagian besar daripada kekosongan tersebut perlu diisi segera,"



MAHMOOD (kiri) membantu orang awam mendaftar secara online bagi mengisi kekosongan jawatan dalam sektor awam di George Town semalam.

katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada si-

dang akhbar selepas merasmikan Karnival Kerjaya SPA 2014 dan Sesi Interaksi

SPA bersama kakitangan kerajaan, badan berkanun, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan di Dewan Seri Pinang di sini semalam.

Menurut Mahmood, beliau menjangkakan pihaknya akan menerima lebih banyak permohonan daripada orang ramai untuk mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam selepas beberapa siri penerangan mengenai perkhidmatan awam dilaksanakan di seluruh negara sejak tahun lalu.

Mengambil contoh Pulau Pinang, beliau berkata, pada tahun 2012 SPA menerima sebanyak 40,000 permoho-

nan manakala bagi tahun lalu jumlahnya meningkat sekali ganda kepada 80,000 permohonan.

Katanya, bagi seluruh negara pula, pada tahun 2012, SPA menerima 1.02 juta permohonan, manakala jumlah permohonan meningkat kepada 2.1 juta tahun lepas.

"Kita percaya, peningkatan jumlah permohonan tersebut disumbangkan oleh sesi jelajah yang kita lakukan di seluruh negara tahun lalu.

"Sesi tersebut bagi memberi penerangan mengenai kaedah permohonan yang betul untuk mengisi jawatan dalam perkhidmatan kerajaan," katanya.

Tiada pembekuan perjawatan sektor awam

PULAU PINANG 22 Jan. - Pembekuan jawatan dalam sektor awam tidak termasuk dalam 11 agenda penjimatan kerajaan seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

Perkara itu disahkan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam yang memaklumkan terdapat keperluan untuk mengisi kekosongan jawatan dalam jabatan atau agensi tertentu seperti perubatan, farmasi dan pergigian.

Menurutnya, sepanjang tiga minggu



MAHMOOD ADAM

pertama tahun ini sahaja sebanyak 5,000 kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam telah diisi dan ia dijangka meningkat setiap bulan sehingga hujung tahun.

Selain itu katanya, dijangka kira-kira 20,000 penjawat awam akan bersara wajib pada penghujung tahun ini dan ini membuka ruang kepada tenaga kerja baru untuk mengisi kekosongan yang ada.

"Pada tahun lalu seramai 65,000 pemohon telah berjaya mengisi kekosongan di pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di seluruh negara daripada 2.1 juta

permohonan.

"Jumlah pemohon pada tahun lalu meningkat sekali ganda berbanding hanya 1 juta pada 2012 dan ini membuktikan semakin ramai masyarakat yang yakin dengan kerjaya di sektor kerajaan," katanya kepada pemberita selepas sesi interaksi bersama kakitangan awam dan pertubuhan bukan kerajaan di Dewan Seri Pinang di sini hari ini.

Beliau turut mengadakan lawatan ke karnival pekerjaan yang disertai beberapa agensi seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Penjara dan Polis Diraja Malaysia.

Tambahnya, di Pulau Pinang sahaja seramai 80,000 pemohon telah menghantar

permohonan untuk mengisi kekosongan yang ada pada tahun lalu dan ia meningkat sekali ganda berbanding tahun 2012.

"Ini merupakan petanda positif apabila semua lapisan masyarakat kini semakin yakin untuk berkhidmat dalam sektor kerajaan kerana pelbagai insentif yang ditawarkan.

"Malah kaum-kaum lain juga semakin menunjukkan minat dan persepsi bahawa jawatan dalam sektor kerajaan hanya untuk orang Melayu sahaja mula terhakis," ujarnya.

Selain itu katanya, pelbagai aktiviti seperti taklimat dan latihan percuma bagi menghadapi sesi temuduga, peperiksaan dan kursus turut ditawarkan kepada orang ramai yang berminat.

Utusan Malaysia
23-1-14
M/S 5

New Straits Times
23.1.14
M/S 21

5,000 public sector vacancies filled up

GEORGE TOWN: Some 5,000 vacancies in the public sector were filled up in the first three weeks of the year.

Public Service Commission (PSC) chairman Tan Sri Mahmood Adam, who revealed this, said the Public Service Department (PSD) estimated that 20,000 people would be retiring this year.

"Those who are retiring are the ones born in 1954. However, these 20,000 people do not necessarily translate into 20,000 vacancies.

"We will have to get approval from PSD and the Finance Ministry before the vacancies can be filled," he said after an interactive session with federal department heads, statutory bodies, associa-

tions and non-governmental organisations at Dewan Sri Pinang here yesterday.

Mahmood said applications in Penang doubled to 80,000 last year, compared with 2012. Last year saw 2.1 million applications for vacancies in the public sector, but only 65,000 were filled.

Besides the interactive session, a career carnival was also held, providing information on career prospects in the public sector under PSC's purview. Fifteen carnivals have been held nationwide, with more than 32,000 visitors.

Mahmood said Selangor, Pahang and Negri Sembilan were next on the list in PSC's bid to reach out to the people.

20,000 civil servants to retire this year

The Malay Mail

23-1-14
M/S 6



PUBLIC SECTOR DRAW: Mahmood gives advice to youths who turned up at Dewan Sri Pinang yesterday to apply for jobs in the public sector

By HAN KAR KAY
karkay@mmail.com.my

TWENTY THOUSAND civil servants are expected to retire this year.

"However, the retirement of these civil servants does not necessarily equate to 20,000 vacancies," Public Services Commission (PSC) chairman Tan Sri Mahmood Adam said yesterday.

"This is because the commission needs to get the approval of the Finance Ministry to fill the vacancies," he said.

He said the commission could only tabulate the total number of vacancies available after meeting the ministry next month.

Earlier, Mahmood met representa-

tives from several organisations in an outreach programme to explain procedures undertaken by the PSC in hiring applicants to fill vacancies in the public sector.

"The outreach programme was a success as the number of applicants seeking jobs in the public sector in Penang doubled from 40,000 in 2012 to 80,000 last year," he said.

"The number of Chinese applicants nationwide also increased from 19,000 in 2012 to 45,000 in 2013, while Indian applicants tripled from 20,000 in 2012 to 75,000 in 2013."

Mahmood said that despite getting 2.12 million applicants last year, only 65,000 vacancies were filled.

These vacancies were mostly in the health and education sectors.